



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**BILAL TINGKAT II (D.1-2 EB.3)  
KEMENTERIAN PERTAHANAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**1. BILAL TINGKAT II  
KEMENTERIAN PERTAHANAN  
D.1-2 EB.3 (\$530 - \$1,125 SEBULAN)  
KOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) Lulus Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB) sekurang-kurangnya pangkat 'Jayyid' atau lulus sekurang-kurangnya 4 kepujian / kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa atau sebanding termasuk mata pelajaran Pengetahuan Agama Islam (IRK) dan lulus Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU) (bagi kelulusan selain SPUB).

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Pertahanan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan serta lulus Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU).

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding selama tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan serta lulus Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU).

2. Mempunyai pengalaman dan kebolehan dalam perkara berikut:-

- i) Membaca dan menulis Jawi;
- ii) Membaca Al Quran;
- iii) Menyempurnakan Jenazah;
- iv) Membaca tahlil dan membaca doa-doa yang tertentu dengan baik;
- v) Menyampaikan Azan, Iqamah, Tazkir dan Tarhim dengan baik;
- vi) Mengetahui hukum-hukum Taharah, Sembahyang, Zakat dan Puasa; dan
- vii) Hafaz surah-surah lazim (Surah An-Nas hingga Surah Ad-Dhuha).

3. Pemohon adalah lelaki sahaja.
4. Berumur tidak kurang dari 20 tahun.
5. Pernah mengikuti Kursus Bilal atau Imam yang dikendalikan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama dan diakui kebolehannya adalah kelebihan.



## **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Bertanggungjawab menyempurnakan azan dan iqamah setiap hari pada waktu sembahyang fardhu, tarhim sebelum sembahyang Subuh dan melaksanakan tugas yang lazim dilakukan oleh seorang bilal pada sembahyang Sunat Aidilfitri dan Aidiladha serta sembahyang Sunat Terawih;
2. Menjadi imam semasa ketiadaan imam;
3. Membantu dalam majlis suka duka yang berlaku di perkhemahan tempat bertugas dan memimpin bacaan surah Yaasin dan Tahlil, bacaan do'a acara-acara rasmi, penyempurnaan jenazah dan perkara-perkara kebajikan dan kemasyarakatan yang seumpamanya;
4. Bekerjasama dengan guru-guru ugama dan imam dalam meningkatkan syiar Ugama Islam di perkhemahan tempat bertugas;
5. Membantu tugas-tugas imam dalam memelihara kebersihan luar dan dalam serta keselamatan harta benda surau;
6. Hadir sekurang-kurangnya setengah jam sebelum masuk waktu solat;
7. Memahami isi kandungan buku Panduan Kerja Pegawai-Pegawai Masjid 1977 yang dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei, Oktober 1977; dan
8. Melaksanakan arahan dari pegawai atasan dari semasa ke semasa dan bersedia bertugas di luar waktu bekerja bilamana diperlukan dan dikehendaki.